

# Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

## Cerita Animasi 2 – Musang dengan Kura-Kura

<b>Tajuk Cerita</b>	Musang dengan Kura-kura
<b>Jangka Masa</b>	1-2 Waktu
<b>Fokus Interaksi Lisan</b>	Berbual dan berbincang
<b>Aspek Bahasa</b>	Kosa Kata

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p><b>Aktiviti</b></p> <p><b>Murid:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu</li> <li>Menonton cerita animasi ‘Musang dengan Kura-kura’</li> <li>Berbual tentang cerita yang ditonton</li> <li>Berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru</li> <li>melihat kad aktiviti dan mengisikan kad aktiviti dengan perkataan yang sesuai.</li> <li>main peranan dengan menggunakan kad aktiviti di hadapan kelas</li> <li>bertukar-tukar peranan secara bergilir-gilir</li> <li>melengkapkan alat penilaian.</li> </ol> <p><b>Aktiviti Lanjutan</b></p> <p>Guru boleh menjalankan aktiviti melukis watak kegemaran murid berdasarkan cerita animasi. Setelah itu, murid menjalankan aktiviti Unjuk dan Ujar tentang watak kegemaran yang mereka lukis di hadapan kelas.</p>	<p><b>Catatan</b></p> <p><b><u>Soalan Saranan (permulaan)</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pernah kamu membaca cerita tentang binatang?</li> <li>Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain.</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut</li> </ol> <p><b><u>Soalan Saranan tentang Cerita ‘Musang dengan Kura-kura’</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengapakah Musang berada di padang yang luas itu?</li> <li>Apakah yang berlaku kepada Kura-kura?</li> <li>Apakah yang dilakukan oleh Kura-kura untuk melepaskan dirinya?</li> <li>Pada pandangan kamu, adakah Kura-kura seekor binatang yang bijak? Mengapa?</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Musang dengan Kura-kura'?</li> </ol> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas.</li> </ul> <p><b>Bahan</b></p> <p>Kad Perkataan Kad Aktiviti Main Peranan Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

## **KAD PERKATAAN**

Cerita Animasi 2: Musang dengan Kura-kura

<b>lapar</b>	<b>ada</b>
<b>jumpa</b>	<b>rambutan</b>
<b>mangga</b>	<b>tinggi</b>
<b>badan</b>	<b>bahu</b>
<b>memetik</b>	<b>mengambil</b>
<b>makan</b>	<b>sana</b>

## Contoh Kad Aktiviti Main Peranan Cerita Animasi 2: Musang dengan Kura-kura

Arahan:	Bersama pasangan kamu, main peranan watak Musang dan Kura-kura di bawah ini secara lisan.
Kura-kura dan Musang sibuk mencari makanan sehingga berasa penat.	
Kura-kura	Sudah _____ hari saya mencari _____. Masih tidak _____.
Musang	Saya juga sudah _____ mencari makanan. Kura-kura, di situ ada pokok _____!
Kura-kura	Ya, ada buahnya. Mari kita ke _____.
	Musang dan Kura-kura pun segera ke pokok itu.
Kura-kura	Pokoknya _____. Saya tidak boleh mengambil buahnya.
Musang	Kura-kura, awak panjat atas _____ saya.
Kura-kura	Ya, senang saya _____ buahnya.
	Kura-kura pun memanjat ke atas badan Musang.
Musang	Wah, banyaknya! Mari kita _____ bersama-sama.
Kura-kura	Terima kasih Musang kerana awak saya dapat _____ buah ini.
Musang	Terima kasih Kura-kura kerana awak kita dapat _____ bersama-sama.

# ALAT PENILAIAN




## Cerita Animasi 2: Musang dengan Kura-kura

### Penilaian Rakan Sebaya

### RUBRIK MAIN PERANAN

Nama murid (yang dinilai) : \_\_\_\_\_ (     )

Tandakan [ √ ]

No	PERKARA			
1	Rakan saya boleh menyebut perkataan dengan betul.			
2	Rakan saya membaca dan bercerita dengan lantang.			
3	Rakan saya menggunakan intonasi yang sesuai.			
4	Rakan saya bertutur menggunakan sebutan baku.			

Nama murid (yang menilai) : \_\_\_\_\_ (     )

**Cerita Animasi 2: Musang dengan Kura-kura**  
**Penilaian Guru**

**RUBRIK MAIN PERANAN**

Nama murid: \_\_\_\_\_ (      )

Tandakan [√]

No	PERKARA	★ ★ ★	★ ★	★
1	Murid saya boleh menyebut perkataan dengan betul.			
2	Murid saya membaca dan bercerita menggunakan suara yang kuat dan lantang.			
3	Murid saya menggunakan intonasi yang sesuai semasa membaca/ bercerita.			
4	Murid saya bercakap mengikut giliran.			
5	Murid saya bertutur menggunakan sebutan baku.			

Catatan Guru:

---



---



---



---

## CERITA ANIMASI 2: MUSANG DENGAN KURA-KURA

<b>Tajuk</b>	Musang dengan Kura-kura
<b>Peringkat</b>	P1B
<b>Sinopsis</b>	Musang menangkap Kura-kura. Musang mahu memakan Kura-kura. Kura-kura berjaya melepaskan diri dengan memperdaya Musang.
<b>Watak</b>	Musang , Kura-kura dan Pencerita
<b>Nilai</b>	bekerja keras dan tidak mudah mengaku kalah, keinginan untuk berjaya

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Di sebuah padang yang luas, ada seekor Musang. Dia sedang keluar mencari makanan.
2	Musang	Perut aku lapar. Di manakah aku dapat mencari makanan?
3	Pencerita	Setelah puas mencari makanan, Musang terjumpa seekor Kura-kura.
4	Musang	Hari ini, aku akan makan engkau Kura-kura.
5	Pencerita	Musang mahu memakan Kura-kura. Kura-kura bersembunyi di dalam kulitnya.
6	Musang	Pandai sungguh Kura-kura bersembunyi. Aku mesti mencari jalan supaya aku dapat memakannya.
7	Kura-kura	Aku mesti mencari jalan agar tidak dimakan Musang.
8	Pencerita	Musang mencari jalan untuk mengeluarkan Kura-kura daripada kulitnya. Kura-kura pula mencari jalan supaya tidak dimakan Musang.
9	Kura-kura	Wahai Musang, lambunglah aku ke atas. Aku ingin melihat matahari. Matahari cantik.
10	Kura-kura	Tetapi, tolong jangan buang aku ke dalam air. Aku takut. Aku akan mati lemas.
11	Pencerita	Mendengar kata Kura-kura, Musang berfikir lagi.

No	Watak	Dialog
12	Musang	Jika aku lambung Kura-kura ke udara, Kura-kura akan berasa gembira. Kura-kura dapat melihat matahari.
13	Musang	Jika aku buang Kura-kura ke dalam air, Kura-kura akan mati lemas. Dapatlah aku makan Kura-kura selepas itu.
14	Pencerita	Musang percaya kata Kura-kura. Musang mencampakkan Kura-kura ke dalam air. Kura-kura pun segera berenang meninggalkan Musang di tepi sungai.
15	Kura-kura	Ha, ha, ha. Aku bebas! Aku bebas! Aku berjaya melepaskan diri daripada dimakan Musang.
16	Musang	Aduh! Mengapalah aku lepaskan Kura-kura ke dalam air? Nampaknya hari ini aku terpaksa berlapar lagi.
17	Pencerita	Begitulah kisah Musang dengan Kura-kura. Kura-kura rajin berfikir dan tidak putus asa. Kalau kita rajin berusaha dan berfikir, kita juga boleh selesaikan masalah kita.

